

BAB 13

PENYIAPAN KERJA, PENYERAHAN KERJA DAN KECACATAN

BAB 13 - PENYIAPAN KERJA, PENYERAHAN KERJA DAN KECACATAN

13.1 Pendahuluan

- 13.1.1 Satu Perakuan Siap Kerja akan dikeluarkan apabila Kerja telah siap menurut peruntukan kontrak. Kerja yang telah disiapkan akan diserahkan oleh Kontraktor kepada JKR yang seterusnya akan menyerahkannya kepada pihak Jabatan/Kementerian Pelanggan.
- 13.1.2 Pengeluaran Perakuan Siap Kerja menandakan permulaan Tempoh Tanggungan Kecacatan. Tempoh Tanggungan Kecacatan hendaklah selama dua belas bulan (12) dari tarikh kerja diperakukan siap. Sebarang kecacatan yang timbul dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan perlu diperbaiki oleh Kontraktor dengan kosnya sendiri. Apabila semua kecacatan telah diperbaiki satu Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan.

13.2 Penyiapan Kerja yang Praktikal

- 13.2.1 Sekiranya kontraktor berpendapat kerjanya telah disiapkan dengan sempurna, kontraktor perlu mengemukakan notis secara bertulis kepada Pegawai Penguasa (P.P).
- 13.2.2 Dalam tempoh 14 hari daripada penerimaan notis bertulis daripada kontraktor, Pegawai Penguasa hendaklah menjalankan satu pemeriksaan bersama dengan pihak Kontraktor. P.P. juga hendaklah berpuas hati bahawa kesemua ujian dan pentauliahan telah dijalankan dan telah lulus menurut peruntukan kontrak. Apabila Kerja telah disiapkan ke satu tahap yang memenuhi kriteria sebagaimana yang ditentukan di dalam Perenggan 13.2.3, maka Perakuan Siap Kerja (rujuk Lampiran 13A) bolehlah dikeluarkan oleh P.P.. Jika kriteria sebagaimana yang ditentukan di dalam perenggan 13.2.3 tidak dipenuhi, kerja yang tidak sempurna atau kerja yang cacat hendaklah dikenalpasti, dan disenaraikan dan diserahkan kepada Kontraktor untuk tindakannya. Proses ini hendaklah diulangi sehingga kriteria sebagaimana yang ditentukan di perenggan 13.2.3 dipenuhi sebelum Perakuan Siap Kerja dikeluarkan.

- 13.2.3 P.P. akan menentukan sama ada Kerja telah mencapai penyiapan praktikal. Kerja boleh dianggap telah mencapai penyiapan praktikal apabila kesemua kerja siap sepenuhnya menurut peruntukan kontrak. Dalam menentukan sama ada Kerja itu telah mencapai penyiapan praktikal, P.P. mestilah berpuas hati bahawa kontraktor telah menyiapkan kerja dengan memenuhi perkara-perkara berikut :
- (a) Semua kerja telah disiapkan menurut peruntukan Kontrak
 - (b) Kerja telah siap ke tahap memenuhi fungsi pembinaan dan boleh diduduki dengan selamat
 - (c) Kerja tersebut telah siap dan terdapat hanya kecacatan yang sedikit sahaja
 - (d) Pengujian dan Pentauliahan ke atas perkara berkaitan telah diluluskan
 - (e) Semua keperluan utama perkhidmatan seperti jalan masuk, landskap, tempat letak kereta, longkang, pembentungan, sistem kelengkapan kebersihan, sistem bekalan air dan elektrik, pili bomba, dan lif bomba seperti yang termaktub dalam kontrak sudah disiapkan
- 13.2.4 Perakuan Siap Kerja hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut, dan kepada pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak termasuk Bank/Insurans yang mengeluarkan Bon Pelaksanaan (jika berkenaan).
- 13.2.5 Tempoh Tanggungan Kecacatan bermula dari tarikh siap Kerja yang praktikal yang dinyatakan di dalam Perakuan Siap Kerja. Pada bila-bila masa dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, apa-apa kecacatan yang timbul hendaklah diperbaiki oleh kontraktor dengan kosnya sendiri apabila P.P. mengarahkannya.
- 13.2.6 Sekiranya kontraktor gagal memperbaiki kecacatan tersebut, maka P.P. bolehlah melantik kontraktor yang berasingan untuk memperbaiki kecacatan tersebut dan segala kos yang terlibat dan ditambah dengan caj ke atas kos (*on-cost charges*) sebanyak 10% hendaklah ditanggung oleh kontraktor. P.P. bolehlah menolak kos tersebut daripada baki wang yang ada dalam kontrak dan sekiranya tidak

mencukupi, P.P. bolehlah melunaskannya daripada Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan.

13.2.7 Apabila berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan, satu lawatan bersama hendaklah dijalankan di antara P.P., Jabatan Pelanggan dan Kontraktor. Apa-apa kecacatan yang didapati timbul disebabkan kecacatan mutu pembinaan ataupun bahan-bahan binaan, ia hendaklah dikenalpasti oleh P.P. dan satu Jadual Kecacatan hendaklah dikeluarkan oleh P.P. dalam tempoh 14 hari daripada tarikh berakhirnya Tempoh Tanggungan Kecacatan.

13.2.8 Kontraktor hendaklah memperbaiki kecacatan tersebut dalam tempoh yang munasabah tetapi hendaklah tidak melewati tempoh 3 bulan. Sekiranya kontraktor gagal memperbaiki kecacatan, maka P.P. bolehlah melantik kontraktor yang berasingan dan apa-apa kos yang berkaitan hendaklah ditanggung oleh kontraktor dan P.P. bolehlah memotong daripada baki wang yang ada dalam akaun kontrak dan sekiranya ianya tidak mencukupi, maka P.P. bolehlah melunaskannya daripada Bon Pelaksanaan ataupun Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan. Sekiranya tidak mencukupi, maka P.P. hendaklah menuntutnya daripada kontraktor sebagai satu hutang terhadap kontraktor.

13.3 Pelepasan Wang Jaminan Perlaksanaan / Bon Perlaksanaan

13.3.1 Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, P.P. boleh melepaskan sebanyak 50 % daripada nilai Jaminan Bank / Insurans / Syarikat Kewangan atau Wang Jaminan Perlaksanaan (WJP) dan bakinya hendaklah dilepaskan setelah Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan dikeluarkan.¹ Walau bagaimanapun, P.P. hendaklah berpuas hati bahawa kecacatan yang ada adalah pada tahap minimum sahaja sebelum pelepasan sebanyak 50% itu dibuat.

13.3.2 Untuk tujuan pelepasan Wang Jaminan Pelaksanaan (WJP) satu Perakuan hendaklah dikemukakan kepada pejabat pembayar dengan menggunakan format Perakuan Pemulangan Wang Jaminan Perlaksanaan seperti di Lampiran 13B.

¹ SPP Bil 5/2007 , surat Arahan KPKR ruj (29)dlm.KPKR.020.050/03 Klt.4 bth 15.10.2001 dan surat Arahan KPKR ruj (12)dlm KPKR 020.050/03 Klt.5 bth 31.01.2002.

- 13.3.3 Bagi pelepasan Jaminan Bank/Insurans atau Syarikat Kewangan pula, sekiranya permohonan Kontraktor diluluskan, P.P hendaklah menyediakan surat kepada Penjamin iaitu Bank/ Syarikat Insurans/ Syarikat Kewangan mengikut format di Lampiran 13C. Kontraktor berkenaan hendaklah berurusan dengan Bank/ Insurans atau Syarikat Kewangan untuk menggantikan Jaminan asal dengan Jaminan baru yang bersamaan dengan 50% daripada jaminan asal. Setelah Jaminan yang baru diterima, barulah jabatan memulangkan jaminan yang asal kepada Kontraktor.
- 13.3.4 Kontraktor juga dibenarkan untuk menggantikan baki WJP sebanyak 50% dengan Jaminan Bank/Insurans ataupun Syarikat Kewangan.

13.4 Siap Berbahagian-bahagian

- 13.4.1 Syarat-syarat Kontrak mengandungi satu peruntukan yang membenarkan Kerajaan menghendaki Kerja disiapkan dalam seksyen atau bahagian. Sekiranya ini diperlukan, seksyen atau bahagian Kerja tersebut hendaklah dikenalpasti dan nilai Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan bagi setiap seksyen dan bahagian, dan sebagainya hendaklah dinyatakan dokumen kontrak di Lampiran Kepada Syarat-syarat Kontrak.
- 13.4.2 Jika siap berbahagian-bahagian bagi Kerja dinyatakan di dalam Kontrak, maka peruntukan Kontrak mengenai Perakuan Siap Kerja, Kelambatan dan Lanjutan Masa, Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan dan Tempoh Tanggungan Kecacatan (kecuali Insurans Kerja, Bon Perlaksanaan dan bayaran muktamad atas Akaun Muktamad) hendaklah dipakai seolah-olah tiap-tiap satu seksyen atau bahagian itu adalah menjadi perkara kontrak yang berasingan dan berlainan di antara Kerajaan dan Kontraktor. Prosedur mengenai penyiapan praktikal seperti yang diuraikan dalam perenggan 13.2 boleh digunakan bagi tiap-tiap seksyen atau bahagian Kerja. Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi tiap-tiap seksyen atau bahagian bermula sama dengan tarikh penyiapan praktikal bagi seksyen atau bahagian tersebut.

- 13.4.3 Walau apapun di para 13.4.2, Kontraktor tidak layak untuk mengurangkan atau mengeluarkan nilai Bon Perlaksanaan atau Wang Jaminan Perlaksanaan beliau. Bon Perlaksanaan atau Wang Jaminan Perlaksanaan hanya boleh dilepaskan selepas Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan untuk keseluruhan kerja dikeluarkan.

13.5 Pendudukan Separa

- 13.5.1 Sebelum penyiapan praktikal bagi keseluruhan Kerja, Kerajaan boleh, setelah mendapat persetujuan Kontraktor secara bertulis mengambil milik dan menduduki mana-mana bahagian Kerja yang telah siap menurut peruntukan kontrak.

- 13.5.2 Perkara-perkara berikut boleh digunakan jika terdapat mana - mana bahagian Kerja yang telah diambil milik dan diduduki oleh Kerajaan sebelum penyiapan keseluruhan Kerja :

- (a) Satu Perakuan Pendudukan Separa, (rujuk Lampiran 13D), hendaklah dikeluarkan dalam masa tujuh (7) hari dari tarikh pemilikan dan pendudukan sebahagian Kerja tersebut. Perakuan tersebut hendaklah menyatakan nilai anggaran bagi bahagian Kerja yang diambil milik dan diduduki.
- (b) Tempoh Tanggungan Kecacatan bagi bahagian Kerja yang diambil milik dan diduduki hendaklah bermula sama dengan tarikh penyiapan praktikal bagi seksyen atau bahagian tersebut.
- (c) Ganti Rugi Tertentu dan Ditetapkan yang dinyatakan di dalam Kontrak akan dikurangkan mengikut kadar jumlah nilai bahagian yang diambil milik dan diduduki berbanding dengan Jumlah Harga Kontrak.
- (d) Peruntukan Kontrak mengenai Insurans dan pelepasan Bon Perlaksanaan adalah tidak berubah.
- (e) Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan hendaklah dikeluarkan mengikut bahagian kerja yang telah diambil milik dan diduduki.

13.6 Penyerahan Kerja

- 13.6.1 Setelah Perakuan Siap Kerja dikeluarkan, JKR bagi pihak Kerajaan akan mengambil milik Kerja tersebut dan Kontraktor tidak lagi bertanggungjawab atas sebarang kerugian dan/atau kerosakan kepada Kerja tersebut selain daripada kerugian dan/atau kerosakan yang disebabkan oleh atau akibat daripada Kerja cacat atau kerja yang tidak mematuhi Kontrak. Namun demikian sebelum bahagian kerja tersebut diambil milik oleh Kerajaan, persetujuan daripada pihak Pelanggan hendaklah diperolehi terlebih dahulu bagi memastikan pihak pelanggan bersedia untuk mengambil alih bahagian kerja yang telah disiapkan tersebut. Seberapa segera yang mungkin Kerja tersebut hendaklah diserahkan kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan.
- 13.6.2 Bagi tujuan penyerahan Kerja kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan, satu pemeriksaan bersama (oleh Jabatan /Kementerian Pelanggan, P.P., Kontraktor dan pihak lain yang terlibat) hendaklah diatur dan kunci bangunan diserahkan dalam tempoh dua (2) minggu daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja. Jabatan/Kementerian Pelanggan akan dinasihatkan mengenai keperluan penyenggaraan Kerja tersebut termasuk penyenggaraan pemasangan mekanikal dan elektrik. Semua dokumen berkaitan yang diperlukan bagi penyenggaraan Kerja oleh Jabatan/Kementerian Pelanggan seperti lukisan siap dibina, manual operasi, perjanjian penyenggaraan, dan sebagainya hendaklah diserahkan.
- 13.6.3 Perakuan Serahan Kerja seperti di Lampiran E dan F hendaklah digunakan bagi menyerahkan Kerja kepada Jabatan/Kementerian Pelanggan. Perakuan di Lampiran 13E hendaklah digunakan bagi penyerahan keseluruhan Kerja manakala Lampiran 13F digunakan untuk penyerahan Kerja yang disiapkan dan diserahkan dalam seksyen-seksyen atau bahagian-bahagian.
- 13.6.4 Di dalam keadaan di mana JKR bagi pihak kerajaan telah mengambil milik kerja daripada pihak kontraktor, namun pihak pelanggan belum mengambil milik, P.P. hendaklah melantik Pengawal Keselamatan dengan menggunakan peruntukan projek untuk mengawasi projek berkenaan pada tarikh serahan projek kepada JKR sebelum diambil alih sepenuhnya oleh pihak pelanggan.

13.7 Lukisan Siap Dibina

- 13.7.1 Lukisan siap dibina hendaklah dikemaskini di sepanjang masa Kerja berjalan dan hendaklah dikemukakan kepada P.P secara berperingkat-peringkat menurut aturan kerja. Lukisan siap dibina hendaklah dikemaskini dan disiapkan seberapa segera setelah Kerja disiapkan.
- 13.7.2 Lukisan siap dibina hendaklah menunjukkan Kerja sebagaimana dibina, terutamanya kedudukan dan laluan paip-paip perkhidmatan dan kabel-kabel yang tertanam. Satu set Lukisan siap dibina mesti diserahkan kepada P.P. dalam masa satu (1) bulan daripada tarikh pengeluaran Perakuan Siap Kerja untuk rekod dan penyenggaraan kerja tersebut. Satu set lukisan tersebut hendaklah dihantar kepada Cawangan pelanggan yang berkenaan di Ibu Pejabat JKR untuk rekod dan dimana perlu, bagi mengemaskini lukisan - lukisan piawai.

13.8 Kecacatan

- 13.8.1 Kecacatan, kekecutan dan kerosakan lain yang mungkin kelihatan pada Kerja dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan yang disebabkan oleh bahan atau mutu Kerja yang tidak menepati kontrak, hendaklah diperbaiki oleh Kontraktor atas perbelanjaannya sendiri.
- 13.8.2 Prosedur-prosedur yang perlu diikuti mengenai kecacatan Kerja adalah seperti berikut:
- (a) Jabatan/Kementerian Pelanggan hendaklah dinasihatkan supaya melaporkan dengan kadar segera apa-apa kecacatan yang kelihatan dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan.
 - (b) Setelah menerima laporan mengenai sebarang kecacatan dari Jabatan/Kementerian Pelanggan, Kontraktor hendaklah diarahkan untuk memperbaiki kecacatan tersebut. Kontraktor hendaklah diberi tempoh masa yang munasabah untuk berbuat demikian. Apa yang dimaksudkan dengan tempoh masa yang munasabah bergantung kepada keadaan dan tahap kecacatan tersebut.

Sebarang kecacatan yang mengakibatkan Kerja mudah rosak disebabkan oleh elemen kecacatan itu, akan bertambah buruk jika tidak dibaiki dengan segera, atau menjejaskan fungsi dan kegunaan sebenar Kerja tersebut, hendaklah diperbaiki dalam tempoh yang secepat mungkin.

- (c) Pada tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan, satu pemeriksaan bersama ke atas Kerja (oleh Kontraktor, P.P., Jabatan/ Kementerian Pelanggan dan pihak lain yang terlibat) hendaklah diadakan. Jika hasil daripada pemeriksaan bersama tersebut menunjukkan tiada lagi kecacatan, Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan, Borang JKR 203Y Pind.3/2008 (rujuk Lampiran 13G), hendaklah dikeluarkan.

Di mana pemeriksaan bersama menunjukkan terdapat kecacatan, kecacatan tersebut hendaklah dikenal pasti dan satu Jadual Kecacatan hendaklah disediakan dan diserahkan kepada Kontraktor dalam masa empat belas (14) hari dari tarikh tamat Tempoh Tanggungan Kecacatan. Kontraktor hendaklah diarahkan untuk memperbaiki kecacatan tersebut dalam tempoh masa yang berpatutan tetapi tidak lewat daripada tiga (3) bulan, dari tarikh penerimaan Jadual Kecacatan tersebut. Pemeriksaan bersama hendaklah diadakan sekali lagi pada tarikh tamat tempoh masa yang diberikan kepada Kontraktor untuk memperbaiki kecacatan atau setelah tamatnya tempoh tiga (3) bulan yang mana terdahulu, dan satu Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan akan dikeluarkan jika semua kecacatan telah diperbaiki.

- (d) Jika Kontraktor gagal memperbaiki kecacatan yang telah diarahkan oleh P.P. dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan atau seperti yang tersenarai di dalam Jadual Kecacatan dalam tempoh masa yang telah diberi untuk berbuat demikian, tindakan segera hendaklah diambil untuk memperbaiki kecacatan tersebut dengan cara lain sepertimana yang diperuntukkan dalam Syarat-Syarat Kontrak.

Kos perbelanjaan yang terlibat termasuk caj ke atas kos perbelanjaan yang terlibat (*on-cost charges*) seperti yang diperuntukkan dalam Lampiran Kepada Syarat-Syarat kontrak berhubung dengan kemungkiran kontraktor

yang gagal memperbaiki kecacatan tersebut hendaklah didapatkan kembali daripada Kontraktor dengan memotong dari baki wang yang kena dibayar kepadanya, potongan atau tuntutan daripada Bon Perlaksanaan, atau potongan daripada Wang Jaminan Pelaksanaan yang mana berkaitan, atau dituntut sebagai hutang daripada kontraktor.

- 13.8.3 Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan hendaklah dikeluarkan kepada Kontraktor dan salinan-salinannya hendaklah juga diedarkan kepada semua pihak sepertimana yang tersenarai di dalam Perakuan tersebut dan pihak-pihak lain yang terlibat dengan Kontrak.
- 13.8.4 Pengeluaran Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan menandakan tamatnya obligasi Kontraktor di bawah Kontrak. Liabiliti Bank, syarikat Insurans atau Syarikat Kewangan yang menjadi penjamin Bon Pelaksanaan, atau baki Wang Jaminan Pelaksanaan hendaklah juga dilepaskan.

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA**

**PERAKUAN SIAP KERJA
CERTIFICATE OF PRACTICAL COMPLETION**

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....

(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No.

Kontrak untuk

.....

Bahagian*

Section*

Menurut Klausula 39 Syarat-Syarat Kontrak, dan tertakluk kepada penyiapan berkaitan
In accordance with Clause 39 of the Conditions of Contract and subject to

dengan pembaikan apa-apa kecacatan, ketidaksempurnaan, kesusutan atau apa-apa
the completion of making good defects, imperfections, shrinkages or any

kerosakan lain apajupun sebagaimana yang dikehendaki di bawah Klausula 48 Syarat-Syarat
other faults whatsoever as required under Clause 48 of the Conditions of Contract

Kontrak dan yang mungkin terzahir dalam Tempoh Tanggungan Kecacatan, maka adalah
and which may appear during the Defects Liability Period, it is hereby

dengan ini diperakui bahawa seluruh Kerja / Sebahagian daripada Kerja* seperti yang tersebut
certified that the whole of the Works / Section of the Works as mentioned*

di atas telah siap dengan memuaskan hati pada dan diambil milik
above were satisfactorily completed on and taken into possession

pada dan dengan itu Tempoh Tanggungan Kecacatan untuk Kerja/
on and that the said Defects Liability Period in respect of the said

Sebahagian daripada Kerja* tersebut bermula pada dan akan berakhir
Works / Section of the Works began on and will end*

pada
on

.....
 Pegawai Penguasa/Wakil P.P.
Superintending Officer/SO Rep.

Nama Penuh
Name in full

Nama Jawatan
Designation

s.k. Ketua Setiausaha
 Kementerian Kerja Raya Malaysia
 KUALA LUMPUR
 (U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat
 Kewangan
 (yang menjamin pelaksanaan kontrak)

Pengarah
 Pusat Khidmat Kontraktor
 Kementerian Pembangunan Usahawan
 KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
 Ibu Pejabat J.K.R.
 KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
 Ibu Pejabat J.K.R.
 KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
 Ibu Pejabat J.K.R.
 KUALA LUMPUR

Pengarah
 J.K.R. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

* Potong jika tidak berkenaan.
Delete if not applicable.

PERAKUAN PEMULANGAN WANG JAMINAN PELAKSANAAN

.....

Tarikh :

.....

(Pejabat Pembayar)

Nama Kontraktor :
 Nama Projek :
 No. Kontrak :

* Adalah dimaklumkan bahawa seluruh Kerja yang tersebut di atas telah disiapkan oleh Kontraktor. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Perakuan Siap Kerja untuk rujukan tuan. Oleh itu 50% daripada Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dipulangkan kepada Kontraktor.

* Adalah dimaklumkan bahawa segala kecacatan dan kerosakan telah disempurnakan oleh Kontraktor. Bersama-sama ini disertakan sesalinan Perakuan Siap Memperbaiki Kecacatan untuk rujukan tuan. Oleh itu baki Wang Jaminan Pelaksanaan boleh dipulangkan kepada Kontraktor.

2. Dengan ini adalah diperakukan supaya Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM..... dibayar kepada Kontraktor.

.....
 Pegawai Penguasa/Wakil P.P.)

* *Batalan yang tidak berkenaan*

CATATAN OLEH PEGAWAI YANG MENYEDIA BAUCER
 Jumlah amaun yang dilepaskan ialah RM.....
 (Sesalinan Perakuan hendaklah dikembalikan kepada Pegawai Pengesyor

.....

(Bank/Syarikat Insurans/Syarikat Kewangan)

Tuan,

Projek :
No. Kontrak :
Kontraktor :
Jaminan Bank/Insurans/Syarikat Kewangan No.:
Nilai Bon : RM......

Merujuk kepada perkara di atas, bersama-sama ini disertakan sesalinan Perakuan Siap Kerja untuk rujukan tuan.

2. Sehubungan dengan itu Jabatan ini bersetuju untuk melepaskan 50% daripada nilai bon pelaksanaan kepada Kontraktor. Maka dengan ini adalah disahkan bahawa Jaminan asal akan dikembalikan kepada tuan sebaik sahaja pihak tuan mengemukakan satu jaminan bernilai RM..... bagi meliputi baki 50% daripada nilai bon pelaksanaan. Jaminan baru ini hendaklah berkuatkuasa sehingga (iaitu 12 bulan selepas tarikh tamat tempoh kecacatan).

Sekian, terima kasih.

.....
 (Pegawai Penguasa)

s.k.) Sila berurusan dengan Bank/Insurans/
) Syarikat Kewangan dan seterusnya kemukakan
 (Kontraktor)) kepada P.P. jaminan yang baru.

**KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA**

**PERAKUAN PENDUDUKAN SEPARA
CERTIFICATE OF PARTIAL OCCUPATION**

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....

(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No.

Kontrak untuk

.....

Perihal Bahagian daripada Kerja yang diduduki :

Description of the Part of the Works occupied :

.....

Menurut Klausula 42 Syarat-Syarat Kontrak, Kerajaan berhasrat hendak mengambil milik
In accordance with Clause 42 of the Conditions of Contract, the Government is desirous

dan menduduki bahagian daripada Kerja seperti yang tersebut di atas (kemudian dari ini
of taking possession and occupying the part of the Works as mentioned above (hereinafter
disebut "Bahagian yang berkaitan") sebelum sempurna siap sepenuhnya Kerja itu, dan dengan
referred to as "the relevant Part") before the Practical Completion of the whole of the Works,

persetujuan tuan secara bertulis bertarikh mengenai perkara itu,
and with your written consent dated *to the same,*

maka adalah dengan ini diperakui bahawa Bahagian yang berkaitan itu telah siap dengan
it is hereby certified that the relevant Part has been

memuaskan hati pada dan diambil milik dan diduduki pada
satisfactorily completed on *and taken into possession and occupied*
on

..... dan dengan itu Tempoh Tanggungan Kecacatan mengenai
and that the Defects Liability Period in respect of

Bahagian yang berkaitan itu akan bermula pada dan berakhir
the relevant Part shall commence on *and end*

pada
on

2. Nilai yang dianggarkan bagi Bahagian berkaitan yang telah siap dan diambil milik dan
The estimated value of the relevant Part completed and taken into possession and
diduduki ialah RM.....
occupied is

3. Setelah Bahagian yang berkaitan itu siap dan diambil milik dan diduduki, Gantirugi
The relevant Part having been completed and taken into possession and occupied,

Tertentu dan Ditetapkan banyaknya seperti yang dinyatakan dalam Lampiran kepada
the Liquidated and Ascertained Damages as stated in the Appendix to the

Syarat-Syarat Kontrak, adalah dengan ini dikurangkan daripada RM.....
Conditions of Contract is hereby reduced from

setiap kepada RM..... setiap
per to per

menurut Klausula 42(d) Syarat-Syarat Kontrak.
in accordance with Clause 42(d) of the Conditions of Contract.

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.
Superintending Officer/SO Rep.

Nama Penuh
Name in full

Nama Jawatan
Designation

s.k. Ketua Setiausaha
Kementerian Kerja Raya Malaysia
KUALA LUMPUR
(U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat
Kewangan
(yang menjamin pelaksanaan kontrak)

Pengarah
Pusat Khidmat Kontraktor
Kementerian Pembangunan Usahawan
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
J.K.R. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....

JABATAN KERJA RAYA

Ruj: Fail :

PERAKUAN SERAHAN KERJA SIAP

Kerja :

..... No. Kontrak :

Kerja di atas telahpun disiapkan. Kerja yang telah siap telah diperiksa oleh

..... mewakili
(Nama Pegawai)..... dan mewakili Jabatan
(Jabatan/Kementerian Pelanggan) (Nama Pegawai)

Kerja Raya. Kami yang menandatangani di bawah ini mewakili

..... (Jabatan/Kementerian Pelanggan)

mengakui menerima kunci-kunci dan mengambil milik Kerja tersebut. Baki Kerja termasuk
pepasangan yang belum dipasang, dan/atau kerja cacat adalah seperti disenaraikan di
Lampiran 'A'......
(Tandatangan Wakil Jabatan/
Kementerian Pelanggan).....
(Tandatangan Wakil Jabatan Kerja Raya)

Nama:

Nama:

Nama Jawatan:

Nama Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Nota : Aduan terhadap kerja cacat hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai
Penguasa tidak lewat dari tarikh tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan pada
.....

JABATAN KERJA RAYA

Ruj: Fail :

**PERAKUAN SERAHAN KERJA SIAP
BERBAHAGIAN NO.**

Kerja :

No. Kontrak :

Bangunan-bangunan/seksyen Kerja telah disiapkan. Bangunan-bangunan/seksyen Kerja
telah diperiksa oleh

..... dari
(Nama Pegawai) (Jabatan/Kementerian Pelanggan)

dan mewakili Jabatan Kerja Raya.
(Nama Pegawai)

Kami yang menandatangani di bawah ini mewakili,
(Jabatan/Kementerian Pelanggan)
mengakui menerima kunci-kunci dan mengambil milik seperti berikut:

No.	Bangunan/Seksyen	No. Blok	Catatan
(i)			
(ii)			
(iii)			

Baki Kerja termasuk pemasangan dan/atau peralatan yang belum dipasang, dan/atau Kerja cacat disenaraikan di Lampiran 'A'.

.....
(Tandatangan Wakil Jabatan/
Kementerian Pelanggan)

.....
(Tandatangan Wakil Jabatan Kerja Raya)

Nama:

Nama:

Jawatan:

Jawatan:

Tarikh:

Tarikh:

Nota : Aduan terhadap kerja cacat hendaklah dibuat secara bertulis kepada Pegawai Penguasa tidak lewat dari tarikh tamatnya Tempoh Tanggungan Kecacatan pada

KERAJAAN MALAYSIA
JABATAN KERJA RAYA
PERAKUAN SIAP MEMPERBAIKI KECACATAN

Rujukan.....

Pejabat.....

.....

.....

.....

Tarikh.....

Kepada.....

.....

.....

(Kontraktor)

Berdaftar dengan P.K.K. dalam Kelas "....."

Kontrak No.

Kontrak untuk

.....

Bahagian*

1. Menurut Klausula 42.1(c) Syarat-Syarat Kontrak, maka adalah dengan ini diperakui bahawa segala kecacatan, ketidaksempurnaan, kesusutan dan apa-apa kerosakan lain apajupun terhadap Kerja-Kerja yang tersebut di atas, yang dikehendaki diperbaiki oleh tuan di bawah Syarat-Syarat Kontrak, telah sempurna diperbaiki oleh tuan / *oleh pihak lain (disebabkan kegagalan tuan untuk menyempurnakannya) pada

* Batalkan yang mana tidak berkenaan

2. (a)[#] Menurut Klausula 13.5 Syarat-Syarat Kontrak, Bon Pelaksanaan atau mana-mana bahagian darinya adalah dengan ini dilepaskan.

(i) ****Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans / Takaful / Syarikat Kewangan No. berharga RM..... yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak ini adalah dengan ini dilepaskan.**

****Baki Wang Jaminan Pelaksanaan berjumlah RM yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak ini adalah dengan ini dilepaskan.**

(b)[#](i) **** Tuntutan terhadap Jaminan Bank / Bank Islam / Bank Pembangunan Malaysia (BPMB) / Bank Perusahaan Kecil dan Sederhana Malaysia (Bank SME) / Insurans / Takaful / Syarikat Kewangan No. berharga RM..... yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak ini telah pun diperolehi untuk membiayai kos perbelanjaan membaiki kecacatan dan/atau kerosakan berkenaan yang telah disempurnakan oleh pihak lain. Butir-butir kos perbelanjaan adalah sepertimana yang ditunjukkan di Lampiran.**

****Wang sejumlah RM..... telah dipotong dari Wang Jaminan Pelaksanaan yang merupakan Bon Pelaksanaan di bawah Kontrak untuk membiayai kos perbelanjaan membaiki kecacatan dan/atau kerosakan berkenaan yang telah disempurnakan oleh pihak lain. Butir-butir kos perbelanjaan adalah sepertimana yang ditunjukkan di Lampiran.**

(ii) *** Oleh kerana amaun daripada Bon Pelaksanaan tidak mencukupi, dengan ini tuan adalah dikehendaki untuk membayar kepada Kerajaan sebanyak RM.....**

***Terdapat baki sebanyak RM..... daripada Bon Pelaksanaan yang akan dikembalikan kepada tuan.**

.....
Pegawai Penguasa/Wakil P.P.

Nama Penuh

Nama Jawatan

-
- # Batalkan keseluruhan 2(b) jika kerja kecacatan disiapkan oleh kontraktor sendiri atau batalkan keseluruhan 2(a) jika kerja kecacatan disiapkan oleh pihak ketiga.
- ** Batalkan salah satu daripada perenggan yang berkenaan di bawah 2(a)(i) atau 2(b)(i) mengikut bon pelaksanaan yang diambil.
- * Batalkan salah satu perenggan atau kedua-duanya jika tidak berkenaan.

s.k. Ketua Setiausaha
 Kementerian Kerja Raya Malaysia
 KUALA LUMPUR
 (U/p: Bahagian Pembangunan Bumiputera)

Ketua Audit Negara

Akauntan Perbendaharaan

Bank / Bank Islam / BPMB / Bank SME / Syarikat Insurans / Syarikat Takaful / Syarikat
Kewangan
(yang menjamin pelaksanaan kontrak)

Pengarah Cawangan Pengurusan Korporat
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan.....
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah Cawangan Kontrak dan Ukur Bahan
Ibu Pejabat J.K.R.
KUALA LUMPUR

Pengarah
J.K.R. Negeri.....

Jurutera Daerah/Projek.....